

PRINT HARIAN METRO - "Isabelle, Champion Miss Hard Rock (Isabelle Juara Miss Hard Rock)"
(DATE RAN 27th July 2015)

Georgetown: Memiliki personaliti yang menarik selain yakin bawa kejayaan tidak akan tercapai tanpa usaha, menjadi pemangkin semangat kepada mahasiswa Kolej Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan (PTPL) Pulau Pinang, apabila muncul juara Miss Hard Rock 2015 yang diadakan di Hotel Hard Rock, di sini kelmarin.

Isabelle Khor Lei Li, 21, muncul pemenang utama, sekali gus membawa pulang wang tunai bernilai RM2,000, penginapan tiga hari dua malam di Seaview Studio Suite, rekod platinum Hard Rock Pulau Pinang, peluang muncul dalam majalah FHM Malaysia dan pakej potret bergambar bernilai RM10,000.

Menurutnya, dia terkejut apabila namanya diumumkan sebagai pemenang kerana semua 13 peserta yang terpilih ke peringkat akhir dilihat turut mempunyai bakat dan kelebihan masing-masing.

"Saya begitu terharu apabila terpilih menjadi duta Hard Rock Pulau Pinang dan sangat berterima kasih kepada semua yang memberi sokongan," katanya yang kini sedang mengikuti pengajian dalam Ijazah Perniagaan Antarabangsa.

Tempat kedua pula dimenangi peserta kelahiran Rostov, Russia, yang juga

Isabelle juara Miss Hard Rock



ISABELLE (tengah) diantara Ksenia (kiri) dan Bek ketika pertandingan Miss Hard Rock 2015 di Hotel Hard Rock Pulau Pinang.



BEK (kanan) menerima plak hadiah daripada John selepas diumumkan pemenang ketika Miss Hard Rock 2015.

Saya begitu terharu apabila terpilih menjadi duta Hard Rock Pulau Pinang dan sangat berterima kasih kepada semua yang memberi sokongan"

Isabelle Khor Lei Li

kan hasil dan berjaya memikat hati juri.

"Saya berasa cukup bertuah, walaupun mendapat tempat kedua, namun ia sudah memadai dan menjadi batu loncatan untuk mengembangkan lagi bidang yang diminati ini," katanya.

Tempat ketiga dimenangi Bek Hwee Shaung, 20, pelajar Diploma Perniagaan Kolej Damansara Utama (KDU) yang membawa pulang wang tunai bernilai RM500, penginapan tiga hari dua malam di Seaview Deluxe, rekod platinum dan pakej potret bergambar bernilai RM4,000.

Hadiah kepada semua pemenang disampaikan Pengurus Hotel Hard Rock Pulau Pinang, John Primmer.